



TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB. DATO Ir. HAJI YUSUF BIN HAJI ABD. WAHAB
PENGERUSI CIDB MALAYSIA

SEMPENA:
MAJLIS GRADUASI KE-12
ABM & CIDB TECHNOLOGIES WILAYAH SARAWAK 2026

BERTEMPAT DI:
PUSAT KONVENSYEN CIDB SARAWAK, KUCHING

PADA:
24 OGOS 2026 (ISNIN)

Bismillahirrahmanirrahim.
Terima kasih Pengacara Majlis,

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Malaysia MADANI dan Salam Sarawak Maju Makmur.**

Yang Berbahagia
Dato' Ts. Dr. Gerald Sundaraj
Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi)
CIDB Malaysia

Yang Berusaha
Encik Suhaimi Mansor
Timbalan Ketua Eksekutif (Pembangunan)
CIDB Malaysia

Yang Berusaha
Ts. Rosmen Ag. Hassan
Pengarah CIDB Negeri Sarawak

Yang Berusaha
Tuan Haji Mohd Azizi bin Ali
Ketua Pegawai Eksekutif
CIDB Holdings Sendirian Berhad

Yang Berusaha
Encik Abdul Rahman bin Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif
Akademi Binaan Wilayah Sarawak

Yang Berusaha
Encik Mohd Hafiz bin Dasahi
Ketua Pegawai Eksekutif
CIDB Technologies Sendirian Berhad

*Pengurusan Tertinggi CIDB Malaysia dan Anak Syarikat
Ahli Lembaga ABM Wilayah Sarawak & CIDB Technologies*

*Rakan Kerjasama Strategik Industri Pembinaan
Para Graduan TVET Pembinaan yang diraikan
Wakil-wakil Media
Ibu Bapa serta hadirin yang dihormati sekalian*

MUKADIMAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Graduasi Ke-12, Akademi Binaan Malaysia dan CIDB Technologies Wilayah Sarawak.**
2. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan CIDB Malaysia, CIDB Holdings, Akademi Binaan Malaysia Wilayah Sarawak, CIDB Technologies Cawangan Sarawak, para tenaga pengajar serta seluruh jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis pada hari ini.
3. Majlis graduasi ini merupakan satu manifestasi penting terhadap komitmen CIDB Malaysia dalam membangunkan tenaga kerja pembinaan yang kompeten, berkemahiran tinggi dan bersedia memenuhi keperluan industri.
4. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada para graduan yang diraikan. Kejayaan yang dicapai pada hari ini merupakan hasil daripada usaha, disiplin dan komitmen yang telah ditunjukkan sepanjang tempoh latihan.

5. Apabila saya melihat para graduan pada hari ini, saya tidak hanya melihat penerima sijil dan tenaga kerja baharu dalam sektor pembinaan. Saya melihat jurukimpal, pengendali jentera, pemasang paip gas, juruteknik dan tenaga mahir yang bakal memainkan peranan penting dalam membina masa depan Sarawak dan Malaysia.
6. Pada masa yang sama, saya turut merakamkan penghargaan kepada para tenaga pengajar, ibu bapa dan ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan serta dorongan kepada para graduan sehingga berjaya menamatkan latihan mereka.

TVET PEMBINAAN SEBAGAI PEMACU PEMBANGUNAN NEGARA

Hadirin sekalian,

7. Industri pembinaan merupakan antara sektor utama yang memacu ekonomi negara. Ia membangunkan infrastruktur, membentuk bandar, dan menjadi tulang belakang kepada setiap projek mega yang dilaksanakan.
8. Namun izinkan saya menyatakan satu hakikat yang jarang disebut di atas pentas seperti ini. Setiap projek mega bermula sebagai sebuah dokumen. Ia hanya menjadi realiti apabila ada manusia yang mampu menterjemahkan dokumen itu kepada besi, konkrit dan sambungan yang selamat.

9. Tanpa tenaga kerja mahir, projek mega hanyalah kos. Dengan tenaga kerja mahir, ia menjadi pelaburan.
10. Seiring dengan perkembangan ekonomi dan kemajuan teknologi, permintaan terhadap tenaga kerja mahir dalam bidang pembinaan terus meningkat, khususnya dalam bidang teknikal dan kemahiran khusus.
11. Bagi memenuhi keperluan ini, CIDB Malaysia melalui Akademi Binaan Malaysia dan CIDB Technologies memikul tanggungjawab untuk melahirkan tenaga kerja yang kompeten, diiktiraf dan bersedia untuk industri.
12. Berteraskan visi "**CIDB Peneraju TVET Pembinaan**", kami komited untuk memperkukuh ekosistem latihan kemahiran pembinaan negara.

KEBOLEHPASARAN GRADUAN

13. Salah satu ukuran paling penting dalam menilai keberkesanan sesuatu program latihan ialah sejauh mana graduannya berjaya mendapat tempat dalam industri.
14. Dalam konteks TVET Pembinaan, **purata kadar kebolehpasaran graduan melebihi 88 peratus**. Angka ini mencerminkan keberkesanan program latihan yang dilaksanakan serta keupayaannya memenuhi keperluan sebenar industri pembinaan.

15. Pencapaian ini turut disokong oleh skala latihan yang signifikan. Dalam tempoh **2012 hingga 2025, seramai 270,405 pelatih telah dilatih menerusi Program Latihan Kompetensi Kemahiran (LKK) CIDB Malaysia**, sekali gus memperkukuh usaha melahirkan tenaga kerja mahir, kompeten dan bersedia untuk memenuhi keperluan industri pembinaan negara.
16. Ramai graduan diserap terus ke dalam industri, sama ada bersama kontraktor G1 hingga G7, syarikat pembinaan, mahupun projek-projek kerajaan dan swasta.
17. Dua faktor menjelaskan angka ini. **Pertama**, permintaan industri pembinaan yang tinggi dan berterusan. **Kedua**, kerjasama rapat dengan pemain industri memastikan apa yang kami ajar di dalam kelas adalah apa yang benar-benar diperlukan di atas tapak bina.
18. Justeru, persepsi bahawa TVET adalah pilihan kedua sudah tidak lagi relevan. Dalam era kecerdasan buatan dan automasi hari ini, kemahiran praktikal serta kepakaran teknikal yang dimiliki graduan TVET kekal menjadi aset yang sukar digantikan, malah tidak mampu diambil alih sepenuhnya oleh teknologi.

PEMBANGUNAN SARAWAK DAN KOMITMEN TVET PEMBINAAN

Hadirin yang dihormati,

19. Sarawak pada hari ini sedang berada dalam salah satu fasa pembangunan yang paling mencabar dalam sejarah moden negeri ini.
20. Pada Januari 2026, Premier Sarawak YAB Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg menyatakan bahawa negeri ini telah memasuki fasa kedua **Strategi Pembangunan Pasca COVID-19**, iaitu peralihan daripada persediaan kepada prestasi, dan daripada kesediaan kepada keputusan. Tempoh 2026 hingga 2027 disifatkan sebagai **fasa pecutan**.
21. Kita di sini, berada di dalam tempoh pecutan itu. **Projek-projek pembangunan utama bernilai lebih RM20 bilion sedang bergerak serentak di Sarawak**, antaranya :
- **Sabah–Sarawak Link Road (SSLR)**
 - **Lebuhraya Trans Borneo**
 - **Pelabuhan Laut Dalam Kuala Baram**
 - **Pertumbuhan industri minyak dan gas di Bintulu dan Miri**
22. Keperluan dan permintaan tenaga kerja pembinaan makin meningkat untuk pelaksanaan projek-projek ini. Jelaslah bahawa pembangunan infrastruktur dan industri di Sarawak perlu bergerak seiring dengan pembangunan bakat TVET Pembinaan. Setiap jalan raya, jambatan, pelabuhan dan fasiliti industri yang dibangunkan memerlukan tenaga kerja mahir untuk menterjemahkan perancangan kepada realiti.

23. Dalam konteks ini, para graduan TVET Pembinaan merupakan antara penggerak utama yang akan memastikan pembangunan Sarawak memberi manfaat secara langsung kepada rakyat, industri dan ekonomi negeri.

BIDANG KEMAHIRAN BERIMPAK TINGGI

24. Sarawak menyasarkan agar **30 peratus** daripada tenaga kerjanya, atau kira-kira **500,000 orang**, terdiri daripada tenaga kerja mahir **menjelang tahun 2030**.
25. Bagi industri pembinaan, antara tred kemahiran yang mendapat permintaan tinggi termasuklah **pakar penyaman udara dan pengudaraan mekanikal, operasi jentera berat, kimpalan, dan pendawaian** serta pelbagai kemahiran teknikal lain.
26. Bidang-bidang ini amat diperlukan bukan sahaja dalam sektor pembinaan, malah dalam industri minyak dan gas, penyelenggaraan fasiliti serta pembangunan industri berskala besar.

IKON TVET PEMBINAAN

Para graduan yang diraikan,

27. Pada hari ini, kita bukan sahaja meraikan kejayaan graduan, malah turut memberi pengiktirafan kepada individu yang membuktikan bahawa laluan TVET mampu mengubah kehidupan mereka. Untuk tujuan ini, CIDB Malaysia telah memperkenalkan **Anugerah IKON TVET Pembinaan** pada setiap Majlis Graduasi ABM dan CIDB Technologies yang diadakan.
28. Anugerah ini diwujudkan bukan sahaja untuk menghargai usaha dan pencapaian graduan TVET Pembinaan yang cemerlang serta berjaya dalam kerjaya masing-masing. Ia juga bertujuan memberi inspirasi kepada para graduan dan belia lain untuk terus mengejar impian mereka serta membina masa depan yang lebih baik melalui bidang kemahiran.
29. Izinkan saya berkongsi serba sedikit mengenai dua orang Ikon TVET Pembinaan yang akan kita nobatkan pada hari ini.
30. Pertama, **Saudara Tino Anak Jenis**, 34 tahun, merupakan graduan Akademi Binaan Malaysia Wilayah Sarawak dalam bidang Operasi Kren Bergerak. Berbekalkan sijil kompetensi serta pengalaman dalam bidang tersebut, beliau kini berkhidmat sebagai Operator Kren Bergerak di sebuah syarikat luar pesisir (*offshore*) yang beroperasi di pelabuhan Sarawak.
31. Kedua, **Saudara Wilson Lo**, 37 tahun seorang alumni CIDB Technologies Sarawak. Berbekalkan Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan dalam bidang kimpalan serta pengalaman yang luas, beliau berjaya membina kerjaya sebagai jurukimpal di peringkat

antarabangsa dan kini berkhidmat dalam industri luar pesisir (*offshore*) di Belanda.

32. Kejayaan kedua-dua alumni ini membuktikan bahawa Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan CIDB, pengalaman industri dan kesungguhan untuk terus meningkatkan kompetensi mampu membuka peluang kerjaya yang lebih luas, sama ada di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. Berbekalkan kemahiran dan pengalaman dalam bidang masing-masing, kedua-duanya kini mampu meraih pendapatan tinggi.
33. Semoga kejayaan mereka menjadi inspirasi kepada para graduan yang diraikan pada hari ini untuk terus berusaha, meningkatkan kompetensi dan melakar kejayaan dalam bidang yang diceburi.

PENGUKUHAN KERJASAMA INDUSTRI DAN PEMERKASAAN LATIHAN TVET PEMBINAAN

34. Pada majlis ini juga, penghargaan diberikan kepada syarikat-syarikat rakan strategik industri atas komitmen mereka dalam menyediakan peluang latihan industri, penempatan pekerjaan serta pembangunan kompetensi kepada para pelatih.
35. Kerjasama erat antara institusi latihan dan pihak industri merupakan antara faktor utama dalam memastikan program TVET Pembinaan kekal relevan, memenuhi keperluan semasa industri dan mampu melahirkan tenaga kerja mahir yang kompeten.
36. Dalam usaha memperluas penawaran latihan selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan industri, **Akademi Binaan**

Malaysia Wilayah Sarawak turut melancarkan **Kursus Telekomunikasi** bagi melahirkan tenaga kerja tempatan berkemahiran serta menyokong pembangunan infrastruktur digital di Sarawak. Kursus ini dibangunkan melalui kerjasama strategik antara **ABM Wilayah Sarawak, Kejuruteraan Rasshin dan CYNERGY (Unitel Multimedia Sdn Bhd)**, merangkumi pembangunan modul, perkongsian kepakaran teknikal dan latihan berorientasikan industri.

37. Majlis turut menyaksikan penyerahan **Surat Lantikan kepada Tenaga Pengajar Profesional** yang akan menyumbang kepakaran, pengalaman industri dan pengetahuan teknikal dalam pelaksanaan program latihan.
38. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan industri dan tenaga pengajar profesional yang terus memberikan kepercayaan kepada graduan TVET Pembinaan serta menyokong usaha membangunkan bakat tempatan yang berkemahiran, kompeten dan berdaya saing.

PENUTUP & PESANAN KEPADA GRADUAN

Para graduan yang saya banggakan,

39. Ilmu dan kemahiran yang diperoleh di ABM dan CIDB Technologies telah menyediakan asas yang kukuh. Namun, nilai sebenar latihan ini hanya akan terbukti apabila anda mampu

melaksanakan tugas dengan selamat, menghasilkan kerja yang berkualiti dan menjaga amanah yang diberikan.

40. Dalam industri pembinaan, setiap ukuran mesti tepat, setiap prosedur mesti dipatuhi dan setiap keputusan mempunyai kesan. Kesilapan kecil boleh membawa akibat yang besar. Sebab itu, profesionalisme bukan pilihan. Ia adalah tanggungjawab.
41. Sarawak memerlukan tenaga mahir yang bukan sahaja cekap menggunakan peralatan, tetapi juga mampu berfikir, menyesuaikan diri dan terus meningkatkan kompetensi.

Para graduan sekalian,

42. Hari ini bukan penamat. Hari ini adalah hari anda diberi kebenaran untuk bermula.
43. Jangan lihat diri anda sebagai pekerja yang sekadar melaksanakan arahan. Lihatlah diri anda sebagai profesional yang menentukan sama ada sesebuah struktur itu selamat atau tidak.
44. Teruslah menambah kemahiran, tingkatkan kompetensi, dan jangan mudah berpuas hati. Dunia yang bakal dimasuki akan berubah, dan mereka yang berhenti belajar akan ditinggalkan oleh perubahan itu.

45. Kepada ibu bapa dan ahli keluarga, terima kasih atas pengorbanan yang tidak pernah tercatat di dalam mana-mana sijil. Kejayaan pada hari ini adalah kejayaan kita bersama.
46. Dan akhir sekali, kepada para graduan. Suatu hari nanti, anak-anak anda akan menaiki sistem transit itu, menyeberangi jambatan itu, atau menikmati tenaga elektrik yang datang daripada empangan itu.
47. Dan pada saat itu, saya berharap anda dapat berpaling kepada anak anda, dan berkata dengan tenang: "Saya turut membinanya."
48. Itulah warisan yang tidak mampu dibeli dengan gaji. Itulah yang anda bawa pulang dari dewan ini pada hari ini. Dalam semangat anak Sarawak, "**Agi idup, agi ngelaban**" — selagi hidup, selagi itulah kita terus berusaha, terus belajar dan terus menyumbang.
49. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Graduasi Ke-12, Akademi Binaan Malaysia dan CIDB Technologies Wilayah Sarawak Tahun 2026.**

Sekian, terima kasih.